

SOALAN LAZIM ANGGARAN CUKAI KENA DIBAYAR CP204

- S1:** Anggaran yang telah dibuat oleh syarikat adalah RM100,000. Apabila syarikat mengemukakan Borang C, cukai yang disifatkan adalah RM300,000 dan ia adalah melebihi 30% daripada anggaran . Walau bagaimanapun, syarikat telah membuat pembayaran ansuran melebihi daripada anggaran seperti dalam CP204 dengan tambahan sebanyak RM150,000 dimana jumlah bayaran adalah sebanyak RM 250,000 sebelum Borang C dihantar. Adakah penalti 30% akan diambilkira?
- J1: Denda dibawah seksyen 107C(10) tetap akan dikenakan walaupun bayaran telah dibuat sebelum Borang C dihantar. Ini adalah kerana sistem akan membuat perbandingan 30% di antara anggaran CP204 dengan cukai yang disifatkan.
- S2:** Adakah alasan perlu dikemukakan bagi anggaran yang dikurangkan pada bulan ke-6 atau ke-9?
- J2: Ia tidak perlu kerana pindaan anggaran yang ke-6 atau ke-9 adalah secara automatik.
- S3:** Bagi kes anggaran cukai kurang daripada RM600, perlukah CP204 dihantar?
- J3: CP204 masih perlu dihantar walaupun kurang daripada RM600 ataupun tiada anggaran pendapatan. Walau bagaimanapun, syarikat ada kelonggaran samada memilih bayaran secara ansuran atau sekaligus .Tiada denda akan dikenakan bagi kes-kes kurang daripada RM600.
- S4:** Bolehkah salinan fotostat CP204 atau pun CP204B digunakan untuk dikemukakan kepada LHDN?
- J4: Salinan fotostat borang kosong boleh digunakan, tetapi salinan fotostat borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sebelumnya adalah tidak diterima.

S5: Syarikat telah menukar tempoh perakaunan dan mengakibatkan tempoh asas syarikat dipanjangkan kepada 18 bulan. Bolehkah syarikat menghantar satu pindaan lagi selepas bulan ke-9 tempoh asas?

J5: Pindaan automatik tetap pada bulan ke-6 dan ke-9 tempoh asas walaupun tempoh asas dipanjangkan kepada 18 bulan. Walaubagaimana pun, sekiranya syarikat ingin membuat pindaan anggaran lagi selepas bulan ke-9 tempoh asas, ia boleh mengemukakan surat rayuan dengan alasan yang kukuh disertai dokumen sokongan yang berkaitan.

S6: Syarikat lewat/ gagal mengemukakan CP 204, kemudian syarikat menghantar pindaan bulan ke-6 atau bulan ke-9. Adakah syarikat masih boleh membuat pindaan?

J6: Syarikat yang lewat mengemukakan CP204 masih boleh membuat pindaan tanpa perlu mendapatkan kelulusan pada bulan ke-6 atau ke-9.

Syarikat yang gagal mengemukakan CP204 boleh membuat pindaan dengan mengemukakan CP204A pada bulan ke-6 atau ke-9 sekiranya LHDNM telah mengeluarkan anggaran cukai melalui CP205. Sekiranya CP205 belum dikeluarkan syarikat hendaklah mengemukakan anggaran asal dengan CP204.

S7: Syarikat ingin mengemukakan pindaan anggaran cukai dalam bulan ke-12 tempoh asas dengan amaun yang agak tinggi. Ini adalah kerana syarikat telah mendapat kontrak baru di akhir tahun kewangan. Bolehkah LHDN mempertimbangkan bayaran ansuran dipanjangkan?

J7: Syarikat boleh mengemukakan rayuan secara bertulis dengan alasan yang kukuh disertai dokumen sokongan yang berkaitan ke Pusat Pemprosesan untuk mempertimbangkan ansuran tersebut walaupun di luar tempoh ansuran tetapi ansuran tersebut tidak boleh melangkaui tarikh pengemukaan Borang C.

S8: Syarikat mempunyai masalah kewangan di pertengahan tempoh ansuran, syarikat memohon penjadualan semula dibuat. Walau bagaimanapun pembayaran ansuran ini masih mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas. Bolehkah syarikat memohon penjadualan semula ini

J8: LHDNM boleh mempertimbangkan penjadualan semula ansuran ini, tetapi sekiranya permohonan tersebut dipersetujui, tiada ansuran diberi lagi selepas ansuran terakhir.



S9: Syarikat mempunyai baki kredit dalam akaun di LHDN, boleh atau tidak jumlah ini digunakan bagi bayaran ansuran yang sedang dikenakan dibawah seksyen 107C?

J9: Tidak boleh, jumlah baki kredit ini akan dikembalikan setelah kesemua taksiran sehingga tahun taksiran terkini diselesaikan dan didebitkan dalam lejer berkenaan.

S10: Apakah asas anggaran cukai ?

J10: Seksyen 107C(3) menghendaki anggaran cukai yang dikemukakan hendaklah tidak kurang daripada anggaran cukai terkini iaitu sekurang-kurangnya 85% daripada anggaran cukai dipinda atau 85% daripada anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda bagi tahun taksiran sebelumnya.

S11: Permohonan syarikat untuk pindaan anggaran cukai yang lebih rendah untuk Tahun Taksiran 2012 telah diluluskan oleh Pusat Pemprosesan. Syarikat telah membuat bayaran yang lebih, bolehkah syarikat mendapatkan pulangan bayaran kredit tersebut ataupun menggunakan kredit tersebut untuk "offset" anggaran cukai untuk Tahun Taksiran 2013?

J11: Tidak. Bayaran ansuran yang dibuat untuk T/T 2012 tidak boleh digunakan untuk "off-set" dengan apa-apa bayaran cukai yang lain setakat ini. Permintaan bayaran balik kredit cukai tersebut hanya boleh dilakukan selepas Borang C T/T 2012 dikemukakan dan jumlah cukai yang dikenakan didebitkan dalam akaun pembayar cukai.

S12: Syarikat baru akan mengemukakan anggaran cukai dalam masa 3 bulan selepas operasi perniagaan dimulakan dan ansuran pertama bermula pada bulan ke-6. Bagaimana dengan anggaran pindaan?

J12: Pindaan bulan ke enam untuk syarikat baru, Seksyen 107C(7) masih terpakai. Ini bermakna anggaran pindaan adalah pada bulan ke-6 dan ke-9 tempoh asas.

S13: Perlukah syarikat yang baru beroperasi mengemukakan anggaran cukai sekiranya tempoh asas kurang dari 6 bulan?

J13: Menurut Seksyen 107C(4), mulai TT2011 syarikat tidak perlu mengemukakan anggaran cukai CP204. Namun bagi sebuah syarikat SME anggaran cukai CP 204 masih perlu dikemukakan, tetapi biarkan kosong pada ruangan 2 dan 6 borang tersebut.

S14: Syarikat telah mengemukakan anggaran cukai sebanyak RM200. Akaun syarikat ditutup pada 31 disember. Semasa syarikat membuat pengiraan cukai dalam bulan Febuari tahun berikutnya didapati cukai kena dibayar adalah RM10,000. Syarikat telah membuat bayaran baki cukai sebanyak RM9,800 dengan segera sebelum tarikh akhir bayaran baki cukai. Adakah syarikat akan dikenakan taksiran tambahan di bawah S107C(10) akibat dari berkurangnya anggaran walaupun ia telah membayar baki cukainya sebelum pengumuman Borang C? Atau pun bolehkah syarikat membuat rayuan untuk mengurangkan tambahan taksiran tersebut?

J14: Syarikat akan dikenakan tambahan dalam taksiran di bawah S107C(10) akibat daripada anggaran cukai yang kurang. Perbandingan akan dibuat di antara anggaran cukai yang dipinda, ataupun dengan anggaran cukai yang asal sekiranya tiada anggaran cukai pindaan dikemukakan, dan BUKAN dengan amaun cukai yang dibayar. Fakta bahawa syarikat hanya membayar lebihan cukai tersebut selepas tarikh tutup akaun sebenarnya tidak memberi impak positif yang banyak ke atas rayuan nanti. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat dapat mengetahui peningkatan cukainya sebelum tarikh tutup akaun dan mengemukakan rayuan dan diikuti dengan bayaran dengan serta merta pada ketika itu, maka ia akan menjadikan asas yang baik untuk syarikat membuat rayuan nanti apabila S107C(10) dikenakan.

S15: Bolehkah syarikat mengemukakan Borang CP 204 tanpa nombor rujukan cukai?

J15: Syarikat perlu mendaftar nombor rujukan cukai terlebih dahulu.

S16: Sebuah syarikat tidak bermastautin yang membayar cukai pegangan dibawah seksyen 107(A) telah menerima CP205, bolehkah syarikat tersebut mengenyahkan CP205 tersebut?

J16: Syarikat tidak boleh mengenyahkan CP205 tersebut. Sekiranya syarikat tidak bersetuju dengan jadual yang ditunjukkan di dalam CP205 tersebut, syarikat perlulah mengemukakan surat rayuan pindaan anggaran baru dengan mengemukakan bukti kukuh. Sekiranya dipersetujui, barulah jadual bayaran akan dipinda mengikut anggaran baru tersebut. Surat rayuan tersebut mestilah diproses sebelum bayaran ansuran pertama bermula, ini adalah untuk mengelakkan kenaikan dibawah seksyen 107C (9) ACP 1967.

S17: Syarikat telah mengemukakan surat rayuan ke cawangan berkenaan CP205 yang diterima dan belum mendapat sebarang balasan/jawapan. Kenapa demikian?

J17: Segala rayuan ke atas CP204 dan CP205 hendaklah dikemukakan ke Pusat Pemprosesan. Surat rayuan tersebut akan diproses oleh Pusat Pemprosesan dan CP205 pindaan ataupun surat jawapan akan dikeluarkan.

S18: Pada awalnya syarikat mempunyai anggaran cukai kosong, kemudian pada bulan ke-6 syarikat mengemukakan CP204A dengan jumlah anggaran RM20,000. Slip ansuran CP207 yang mana patut digunakan , ansuran no. 1 atau no. 6?

J18: Syarikat boleh menggunakan mana-mana bilangan ansuran di slip pembayaran CP207 kerana sistem boleh menerimanya. Walaubagaimanapun syarikat digalakkan menggunakan slip yang ke 5 atau ke 6 mengikut keadaan.

S19: Jumlah Ansuran Yang Dipendekkan

Bolehkah syarikat membayar anggaran cukai yang kena dibayar di bawah seksyen 107C dengan 6 ansuran dan bukan 12 ansuran seperti mana yang diberikan? Syarikat ingin menjelaskan kesemua bayaran ansurannya dalam tempoh 6 bulan yang pertama.

J19: Bagi syarikat yang telah mengemukakan CP204 dalam tempoh yang telah ditetapkan, syarikat boleh membuat peraturan sendiri dan membayar lebih selagi syarikat boleh memastikan ia telah membuat bayaran yang mencukupi dalam akaunnya pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran ansuran.

S20: Tarikh Akhir Pengemukaan CP204B

Bilakah tarikh akhir untuk syarikat mengemukakan Borang CP 204B jika berlakunya pertukaran tempoh perakaunan?

J20: Syarikat dikehendaki mengemukakan CP204B dengan serta merta sebaik sahaja pertukaran tempoh perakaunan disahkan.



S21: Bayaran Kenaikan Cukai di Bawah Seksyen 107C (10)

Syarikat telah membuat anggaran cukai yang terkurang dan dikenakan kenaikan cukai di bawah Seksyen 107C (10), bilakah tarikh akhir untuk membuat bayaran untuk kenaikan cukai tersebut?

J21: Peruntukan Seksyen 107C(10) tidak menghendaki LHDN menghantar notis tuntutan. Kenaikan cukai ini hanya boleh ditentukan apabila cukai sebenar diketahui. Bagi Borang C yang diterima dalam tempoh ditetapkan tarikh taksiran ialah tarikh Borang tersebut dihantar kepada Ketua Pengarah. Oleh itu, kenaikan cukai akan dikenakan apabila Borang C dihantar kepada LHDN dan tarikh akhir membuat bayaran tersebut ialah pada tarikh tersebut. Oleh itu, syarikat hendaklah mengira sendiri kenaikan cukai dan membuat bayaran kepada LHDN.

S22: Bayaran Kenaikan Cukai Di Bawah Seksyen 107C(9)

Syarikat telah lewat membuat pembayaran ansuran S107C seperti yang dijadualkan dalam CP204/CP205, adakah kenaikan cukai dikenakan di bawah Seksyen 107C(9) dan bilakah tarikh akhir untuk pembayaran kenaikan cukai tersebut?

J22: Amaun kenaikan cukai akan dikenakan ialah 10% dari amaun yang tidak dibayar/kurang dibayar pada tarikh ditetapkan. Syarikat hendaklah mengira sendiri kenaikan cukai tersebut dan membuat bayaran kepada LHDNM sebaik sahaja tamat tempoh ditetapkan bagi bayaran ansuran. Walau bagaimanapun LHDNM akan mengeluarkan notis permintaan kenaikan cukai tersebut. Jika bayaran telah dibuat, syarikat boleh mengabaikan tuntutan tersebut.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Julai 2014



Soalan Lazim Percukaian Syarikat
Anggaran Cukai Kena DiBayar (CP204)